



SUPPORTS



SIARAN AKHBAR

Inclusive Playground Pertama Malaysia di City of Elmina

- *Sime Darby Property dan UNICEF melancarkan Inclusive Playground pertama Malaysia di City of Elmina sempena Hari Diskriminasi Sifar*
- *Pemaju hartaanah dan pihak berkuasa tempatan mampu membina ruang yang inklusif, selamat dan mesra kanak-kanak menggunakan Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik dan Kit Panduan Taman Permainan Inklusif UNICEF (UNICEF Inclusive Playground Best Business Practice Circular and Guidance Toolkit)*

SHAH ALAM, 2 MAC 2022 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property”) dengan kerjasama UNICEF hari ini telah melancarkan *Inclusive Playground* yang pertama di Malaysia sempena dengan Hari Diskriminasi Sifar (*Zero Discrimination Day*).

Inclusive Playground ini, terletak di perbandaran Sime Darby Property yang telah memenangi pelbagai anugerah iaitu City of Elmina, di mana ia telah direka bentuk dengan kerjasama kanak-kanak berkelainan serta tanpa kelainan upaya, para ibu bapa, penjaga dan pakar-pakar teknikal seperti pertubuhan-pertubuhan orang kelainan upaya, para pengamal intervensi awal dan pendidik.

Dengan kelulusan serta sokongan daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (“MBSA”), taman permainan ini mencerminkan penerapan Prinsip Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design Principles*) dan Piawaian Malaysia 1184 (*Malaysia Standard 1184*) dalam pembangunan ruang awam. Pembinaan *Inclusive Playground* ini telah bermula pada Februari 2020 dan mematuhi syarat serta keperluan ketat MBSA yang merujuk kepada ketahanan bahan binaan, kaedah penyelenggaraan dan penerimaan daripada orang ramai.

Sebagai sebahagian daripada kerjasama inovatif ini, sebuah Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik dan Alat Panduan (*Best Business Practice Circular and Guidance Toolkit*) telah disediakan sempena pelancaran tersebut untuk memberi inspirasi kepada pemaju hartaanah dan pihak berkuasa tempatan yang lain untuk membangunkan ruang yang inklusif, selamat dan mesra kanak-kanak, termasuk taman permainan.

Taman permainan ini dilengkapi dengan tanjakan (*ramps*), serta roda berputar (*spinners*) and buaian (*swings*) yang direka khas untuk kanak-kanak dengan kelainan upaya. Kanak-kanak dapat menikmati tiang-tiang deria (*sensory poles*) dengan merasai tekstur-teksutur berbeza dan memperbaiki kestabilan mereka untuk bermain dengan balak pengimbangan (*balancing logs*) serta laluan batu-bata (*steppingstone slabs*).

Inclusive Playground serta Best Business Practice Circular and Guidance Toolkit merupakan hasil Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding*) di antara pihak UNICEF dan Sime Darby Property pada tahun 2018.

Penyumbang kepada rekaan *Inclusive Playground* serta pengguna kerusi roda, Izdihar Janna Adzly berusia 16 tahun, Jurucakap Belia Berkelainan Upaya berkata: “Saya suka mengunjungi Inclusive Playground kerana saya boleh bermain bersama rakan-rakan saya. Apabila saya bermain bersama rakan-rakan saya tanpa kelainan upaya, saya tidak rasa terpinggir. Saya sangat seronok apabila saya berada bersama-rakan saya!”

Wakil UNICEF ke Malaysia dan Wakil Khas Ke Brunei Darussalam, Dr. Rashed Mustafa Sarwar berkata: “Sime Darby Property dan Majlis Bandaraya Shah Alam telah membuktikan komitmen mereka untuk memperjuangkan hak serta kepentingan inklusif kanak-kanak. Kanak-kanak berkelainan dan tanpa kelainan upaya dapat bermain bersama-sama di *Inclusive Playground*. Dengan kerjasama yang strategik, kita bersama dapat memansuhkan pengecualian dan diskriminasi di semua tahap dalam masyarakat. Malaysia akan menjadi lebih inklusif.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato' Azmir Merican berkata: “Kami menyokong penuh hak sama rata kanak-kanak untuk bermain dan menikmati aktiviti riadah di luar, dan *Inclusive Playground* ini akan menjadikannya satu kenyataan. Keperluan perkembangan kanak-kanak adalah penting apabila membangunkan suatu perbandaran, dan keterangkuman adalah faktor utama untuk mewujudkan komuniti yang lestari. Kerjasama ini menggabungkan kecekapan kami dalam pembangunan harta tanah serta menegakkan hak asasi kanak-kanak, dengan mengetengahkan nilai tambah dalam merekabentuk dan pembangunan untuk semua.”

-TAMAT SIARAN-

Nota Untuk Pengarang

Inclusive Playground di City of Elmina dibuka untuk umum setiap hari dari 7 pagi hingga 10 malam.

Inclusive Playground Best Business Practice Circular and Guidance Toolkit boleh dimuat turun di <https://www.unicef.org/malaysia/inclusive-playgrounds>

Prinsip hak kanak-kanak ditanamkan ke dalam operasi serta aktiviti pihak swasta melalui kerjasama dengan UNICEF. Sektor swasta bertanggungjawab dalam memastikan operasi perniagaan mereka mengetengahkan dan melindungi hak kanak-kanak. Perniagaan mereka memberi kesan terhadap kanak-kanak melalui cara kemudahan mereka beroperasi, layanan terhadap para ibu bapa, pembangunan dan pemasaran produk, perkhidmatan ditawarkan serta pembangunan ekonomi dan sosial yang mereka mempengaruhi.

Hari Diskriminasi Sifar

Hari Diskriminasi Sifar, yang disambut pada 1 Mac setiap tahun, meraikan hak setiap individu untuk menjalani kehidupan secara penuh dan produktif—and menjalaninya dengan penuh kebanggaan. Hari Tindakan (*Day of Action*) oleh UNAIDS ini meraikan kepelbagaiannya, memansuhkan diskriminasi dan menggalakkan toleransi.

Diskriminasi merujuk kepada sebarang perbuatan atau tingkah laku yang mempunyai niat atau kesan untuk menjelaskan kenikmatan hak asasi manusia oleh semua individu bertaraf sama. Hak tanpa diskriminasi mengimplikasikan bahawa maruah diri, autonomi, privasi dan kerahsiaan individu akan dihormati, dan bahawa kebebasan mereka daripada sebarang paksaan dan deraan adalah dijamin atas dasar yang sama rata.

Kanak-kanak dengan kelainan upaya di Malaysia dan di seluruh dunia adalah antara mereka yang paling didiskriminasikan dalam masyarakat kita. Mereka secara konsisten telah: diabaikan dalam perundangan dan dasar negara; dikecualikan daripada perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan perlindungan asas; tertakluk kepada sikap negatif dan stigma awam; dan dijangka dapat mengatasi pelbagai ruang awam dan peribadi yang tidak boleh diakses.

Mengenai UNICEF

UNICEF bergiat di antara tempat-tempat yang paling susah di dunia, untuk membantu kanak-kanak yang paling tidak beruntung di dunia. Kami bekerja untuk setiap kanak-kanak di setiap tempat di 190 buah negara dan wilayah untuk mewujudkan dunia yang lebih baik untuk setiap orang. Untuk maklumat yang lebih lanjut tentang UNICEF dan usahanya bagi kanak-kanak, sila layari www.unicef.org dan ikuti UNICEF di Twitter dan Facebook.

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 25 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan *Battersea Power Station* di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen *MSCI ACWI Small Cap Index* bertaraf *MSCI ESG BBB*, dan dinilai oleh *Carbon Disclosure Project*.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah '*The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards*'. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai '*EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021*', serta pemenang bagi anugerah '*Building Trust Awards 2021*' PwC di bawah kategori indeks *FBM Mid 70*. Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rachel Choong, UNICEF Malaysia, +6012 2932690, rchoong@unicef.org

Sharmila Nair, Sime Darby Property, +6012 6177860, sharmila.nair@simedarbyproperty.com